



UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

**PEMBANGUNAN TUKUN MENINGKATKAN SUMBER
REZEKI NELAYAN**

SEMATAN, 10 Februari 2017:- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membelanjakan sebanyak RM 11.2 juta bagi pembangunan tukun tiruan di Sarawak sepanjang RMKe9 hingga RMKe10 yang secara langsung dapat meningkatkan sumber rezeki kepada nelayan tempatan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, terdapat sebanyak 200,102 unit tukun di seluruh Sarawak yang melibatkan 31 tapak telah dilabuhkan di sekitar perairan Sematan, Santubong, Belawai, Mukah, Bintulu, Miri dan Lawas. Bagi kawasan Sematan sahaja, terdapat sebanyak 79,432 unit tukun tiruan dan terkini sebanyak **180 unit tukun rekreasi** dan **345 unit tukun tiruan jenis bebola (Reef Ball)** dilabuhkan di perairan Sematan pada tahun 2015-2016. Ujarnya ketika ditemui pemberita selepas majlis Jalinan Tani bersama nelayan Sematan di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, beliau menyerahkan **bantuan 100 unit jaket keselamatan** kepada nelayan tempatan Sematan. Selain itu juga bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan berjumlah RM103,150 diserahkan kepada **344 orang nelayan** dan turut juga melepaskan **4,000 ekor benih siakap** ke perairan Sematan.

Majlis Jalinan Tani dihadiri oleh YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Turut hadir Datuk Amar Douglas Unggah Embah, Timbalan Ketua Menteri Sarawak dan Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Haji Munir Mohd Nawi, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan).

Beliau berkata, pihak Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia akan mengadakan kerjasama dengan pihak Petroleum Nasional (PETRONAS) bagi melabuhkan tukun tiruan dari pelantar minyak terpakai di perairan perikanan Malaysia di mana konsep ini dikenali sebagai '**Rig to Reef**' (**R₂R**). Pelantar minyak terpakai dilupuskan menjadi tukun tiruan dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi memastikan ianya selamat untuk hidupan marin.

Dalam pada masa yang sama, Persatuan Nelayan Kawasan Sematan melahirkan rasa bersyukur kepada usaha murni kerajaan dalam membantu meringankan beban kehidupan mereka.

“ Kami amat berterima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya yang banyak menyalurkan bantuan seperti pembangunan tukun tiruan yang berguna dalam pencarian rezeki seharian kami di kawasan Sematan ini ”

#####